

UM 9 AUG 2001

Filipina tubuh panel cari jalan penyelesaian isu Sabah

KUALA LUMPUR 8 Ogos — Filipina akan menubuhkan sebuah panel bagi mengkaji dengan lebih lanjut tuntutan negara itu ke atas Sabah sebagai langkah awal mencari jalan penyelesaian berhubung isu tersebut.

Presiden Gloria Macapagal Arroyo berkata, isu tuntutan ke atas Sabah telah dibincangkan dalam pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Kata Arroyo, dalam perbincangan itu, Perdana Menteri bersetuju bahawa isu itu perlu diselesaikan dengan baik.

“Kedua-dua belah pihak juga memahami bahawa isu itu perlu ditangani secara tidak terburu-buru,” katanya kepada wartawan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar yang pertama dalam rangka lawatan kerjanya ke negara ini selama tiga hari bermula semalam.

Jelas Arroyo, para pegawai Jabatan Luar Filipina akan menghalusi panel itu sebelum sebarang butiran lanjut mengenainya boleh diumumkan.

Tuntutan Filipina ke atas Sabah bermula sejak timbulnya

ura-ura pembentukan Malaysia hampir 40 tahun lalu, dan sejak itu menjadi duri dalam daging

dalam hubungan antara dua negara.

Ia pertama kali dibangkit-

kan oleh bekas Presiden Filipina, Diosdado Macapagal yang juga merupakan bapa kepada Arroyo.